

Rujukan Kami : POLIMAS/UPLI/PPP-07/11-5 Jld.1 (200)
Tarikh : 08 Jun 2023

SEMUA PELAJAR LI SESI 2 : 2022/2023

Saudara/saudari,

PENGESAHAN TAMAT DAN PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI SESI 2 : 2022/2023

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa proses Pengesahan Tamat dan Penilaian Latihan Industri (PTLI) Sesi 2 : 2022/2023 bagi kod kursus LI - DUT600610 dan DUT40110 akan dilaksanakan secara **bersemuka sepenuhnya** mengikut ketetapan berikut:

PERKARA	TARIKH TAMAT LI	TEMPAT	TARIKH PTLI
Pengesahan Tamat Dan Penilaian LI	15/16 JUN 2023 (KHAMIS/JUMAAT)	Pejabat / Ruang Kerja Pensyarah Penilai (PP)	26 JUN 2023 (ISNIN)

Nota:

Sila rujuk **Lampiran A - PTLI (Program DKA/DSB/DEE/DEP/DET/DEM/DJL/DMK/DTP)** akan di upload pada Isnin (12 Jun 2023)

3. Sehubungan itu, semua dokumen berkaitan perkara di atas hendaklah diemel atau dihantar selewat-lewatnya pada hari Pengesahan Tamat & Penilaian LI dilaksanakan. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- Lampiran 1
- Borang Penilaian (mengikut kod LI masing-masing)
- Surat Pengesahan Tamat LI
- Buku Jurnal Refleksi
- Cetakan Slaid Pembentangan (termasuk fail *softcopy*)
- Laporan Akhir Latihan Industri yang telah dijilid (comb binding),
- Lain-Lain Dokumen seperti Surat Arahan Kuarantin KKM dan lain-lain (jika berkaitan),
- Komputer Riba (laptop)

4. Bagi pelajar yang terlibat dengan kod kursus LI - DUT60019, **TIADA** proses Pengesahan Tamat & Penilaian LI secara bersemuka. Sebaliknya, kumpulan pelajar ini hanya perlu memastikan semua dokumen **TERMASUK LAMPIRAN 1** telah dihantar mengikut tarikh/tempoh yang ditetapkan. Sila rujuk **LAMPIRAN 2** bagi tujuan penghantaran Jurnal Refleksi dan Laporan Akhir Latihan Industri.

5. Sebarang kemusykilan dan pertanyaan (jika ada), saudara/saudari boleh menghubungi Pegawai Perhubungan & Latihan Industri (Latihan) di talian 017-4478676. Kerjasama dan perhatian penuh saudara/saudari berhubung perkara ini, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SALMIYAH BINTI CHE AHMAD)

b.p Pengarah
Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

- s.k
1. *Ketua Jabatan Akademik*
 2. *Ketua Penyelaras Latihan Industri Jabatan, KPLIJ*
 3. *Penyelaras Latihan Industri Jabatan, PLIJ*
 4. *Ketua Unit Sistem dan Teknologi Maklumat, USTM- hebahan melalui laman sesawang*
 5. *Fail UPLI*